



GARIS PANDUAN
**PENGURUSAN INOVASI
DAN HARTA INTELEK**

POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

GARIS PANDUAN

**PENGURUSAN INOVASI
DAN HARTA INTELEK**

POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Cetakan Pertama 2019

© Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh disiar-terbitkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun, termasuklah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit dan Pemilik Hakcipta

Perpustakaan Negara Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia
GARIS PANDUAN PENGURUSAN INOVASI DAN HARTA INTELEK
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
ISBN 978-967-2243-65-6

Diterbitkan oleh:
PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 W.P Putrajaya

No. Tel: +603-8888 2633
No. Faks: +603-8891 9301
Laman Sesawang: mypolycc.edu.my

Dicetak oleh:
FIRDAUS PRESS SDN BHD
No. 26 & 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor

SIDANG

REDAKSI

PENAUNG

Ts. DR. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB

PENASIHAT

DR. ISHAK BIN MOHAMAD

KETUA EDITOR

DR. SETIAWAN BIN HARDONO

PENOLONG KETUA EDITOR

SUZIANAH BINTI SAHAR

NOR HUSNA SHAFINI BINTI NOR BASHAH

FAUZUL AZHAN BIN ABDUL AZIZ

PENULIS

PENGURUSAN INOVASI

SHAHRIZAN BIN MOHD RAZALI

HJ. ABU BAKAR BIN ZAKARIA

DR. SITI ROSMINAH BINTI MD DERUS

SUZIANAH BINTI SAHAR

PENGURUSAN HARTA INTELEK

NOR HUSNA SHAFINI BINTI NOR BASHAH

AMINAH BINTI OTHMAN

NORSHILA BINTI ABU BAKAR

HASLINA BINTI HASSAN


PEREKABENTUK GRAFIK

DIANA BINTI JAIS

ZUNAIDAH BINTI RAZALI

DR. MOHD RIZAL BIN LIAS

SENARAI KANDUNGAN



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Syabas dan jutaan tahniah saya ucapan di atas kejayaan penerbitan Garis Panduan Pengurusan Inovasi dan Harta Intelek Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Garis Panduan ini diterbitkan pada masa yang amat sesuai sebagai menyokong strategi, inisiatif dan prinsip Teras Strategik Ke-6 iaitu ‘Membudaya Penyelidikan Gunaan dan Inovasi’ seperti yang terkandung dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 – 2025.

Saya amat berharap agar warga Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Politeknik dan Kolej Komuniti dapat memanfaatkan maklumat, kaedah dan proses yang terkandung di dalam Garis Panduan ini di samping menjadikan penyelidikan dan inovasi sebagai pemangkin kepada Era Pembangunan Negara masa kini.

Selain dari pembudayaan penyelidikan dan inovasi, kepentingan harta intelek juga berperanan untuk melindungi hasil kreativiti atau ciptaan yang datang daripada daya intelektual atau minda seseorang. Ini selaras dengan saranan Perdana Menteri untuk menjadikan bidang harta intelek sebagai satu bentuk sumber kekayaan baru negara.

Semoga Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia melangkah maju dan terus menyokong inisiatif kerajaan dalam usaha mencapai status sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah dan segala pujian bagi Allah s.w.t kerana telah mengizinkan penerbitan Garis Panduan Pengurusan Inovasi dan Harta Intelek Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Unit Inovasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), sidang redaksi jawatankuasa penulisan dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung. Besar harapan saya agar penerbitan Garis Panduan ini boleh dijadikan sumber rujukan dan dapat digunakan dalam mempertingkat kualiti penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan isu-isu berkaitan inovasi dan harta intelek di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Garis Panduan ini merupakan sumbangan Pusat Penyelidikan dan Inovasi JPPKK kepada sistem Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia bagi menguruskan dan melancarkan lagi pengurusan di JPPKK atau di Politeknik dan Kolej Komuniti agar dapat ditangani mengikut prosedur dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Semoga usaha penghasilan dan penerbitan Garis Panduan ini dapat memperkuuhkan pembudayaan ekosistem penyelidikan dan inovasi di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sekian, terima kasih.

Dr. Ishak bin Mohamad
Pengarah
Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

PRAKATA

KETUA EDITOR

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Segala kesyukuran dipanjangkan kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpahan rahmatNya maka terbitlah Garis Panduan Pengurusan Inovasi dan Harta Intelek Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Tahniah diucapkan kepada semua pihak terutamanya kepada jawatankuasa pembangunan buku ini dan semua barisan penulis yang terlibat secara langsung dari awal penghasilan garis panduan ini ditulis sehingga kepada penerbitannya.

Garis Panduan ini dibangunkan khusus bagi menjadi rujukan tentang pengurusan inovasi dan harta intelek untuk digunakan di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Dokumen ini juga merupakan panduan dalam membantu institusi bagi menguruskan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan perkara-perkara berbangkit berkaitan inovasi dan harta intelek.

Diharapkan usaha yang dibuat dalam membangunkan Garis Panduan Pengurusan Inovasi dan Harta Intelek Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia ini dapat memberi manfaat yang berterusan untuk kebaikan bersama. Semoga penerbitan buku ini dapat digunakan sebaik-baiknya oleh semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

Dr. Setiawan bin Hardono
Timbalan Pengarah
Unit Inovasi
Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti



PENGURUSAN **INOVASI**

PENGURUSAN **INOVASI**

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan Pengurusan Inovasi ini hendaklah diguna pakai kepada semua staf, pelawat dan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Garis panduan ini memberi makluman serta penerangan berkenaan mekanisme serta prosedur yang perlu dilaksanakan oleh institusi politeknik dan kolej komuniti dalam menguruskan inovasi institusi dengan sistematik dan strategik. Ia dilengkapi dengan tatacara penganjuran dan penyertaan pertandingan mahupun pameran inovasi di dalam serta luar negara. Selain itu, penekanan terhadap keperluan pelaporan secara berkala oleh institusi turut dititikberatkan.

2.0 LATAR BELAKANG

Pengurusan inovasi politeknik dan kolej komuniti dilaksanakan secara berasingan di institusi masing-masing. Pun begitu, langkah penyelarasan dan pemudahcaraan dilakukan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI). Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan (KUPIK) di setiap institusi bertanggungjawab mengemukakan perancangan tahunan aktiviti inovasi institusi kepada PPI bagi melicinkan kerja-kerja penyelarasan. Laporan pelaksanaan juga mesti dihantar kepada PPI secara berkala setiap tahun bagi membantu menilai pencapaian dan prestasi institusi.

3.0 INOVASI

3.1 Inovasi merupakan rekacipta yang terhasil dari hasil pelaksanaan cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif bagi tujuan meningkatkan kualiti dan produktiviti/ amalan sedia ada organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan atau perubahan dalam bentuk sistem, prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi yang melonjak keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan seterusnya memberi faedah kepada pelanggan.

3.2 Di institusi politeknik dan kolej komuniti, inovasi merujuk kepada rekacipta dalam bentuk produk/ perkhidmatan hasil cetusan idea kreatif lagi inovatif yang dihasilkan oleh pihak-pihak berikut:

- (a) pelajar
- (b) staf

PENGURUSAN **INOVASI**

3.3 Inovasi pelajar adalah rekacipta/ projek akhir yang dihasilkan oleh pelajar dalam tempoh pengajian di institusi ataupun sewaktu menjalankan penyelidikan bersama-sama penyelidik institusi/ industri mengikut ketetapan terma skim penyelidikan berkenaan.

3.4 Inovasi staf pula merujuk kepada rekacipta yang dihasilkan oleh staf akademik/ pensyarah ataupun staf pelaksana dalam tempoh perkhidmatannya di institusi. Contoh inovasi staf adalah projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan projek penyelidikan menerusi Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (Public-Private Research Network (PPRN)) dan Skim Geran Penyelidikan Gunaan (T-ARGS) serta banyak lagi.

4.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN INOVASI INSTITUSI

4.1 Saban tahun, pelbagai rekacipta/ projek inovasi dihasilkan dari bidang yang berbeza dan institusi perlu ada mekanisme yang bersepada dan sistematik bagi menguruskan kesemuanya. Oleh yang demikian, di setiap institusi pengurusan inovasi diletakkan di bawah seliaan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK). Perlantikan Jawatankuasa Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (JK UPIK) ini adalah di bawah bidang kuasa Pengarah institusi bergantung kepada kesesuaian institusi masing-masing

4.2 Struktur jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- | | | |
|------------|---|---|
| Penaung | : | Pengarah |
| Penasihat | : | Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah |
| Ketua Unit | : | KUPIK |
| Ahli-ahli | : | <ol style="list-style-type: none">1. Pegawai Inovasi UPIK2. Pegawai Harta Intelek UPIK3. Pegawai Komersial UPIK4. Pegawai Penyelidikan UPIK5. Penyelaras UPIK Jabatan Akademik6. Penyelaras Projek Pelajar Jabatan Akademik (jika berkenaan) |

PENGURUSAN **INOVASI**

- 4.3 KUPIK berperanan untuk melaksanakan tugas-tugas seperti disenaraikan:
- (a) Mengadakan mesyuarat bagi merancang aktiviti inovasi tahunan.
 - (b) Menyediakan unjuran belanjawan pengurusan inovasi institusi termasuk penambahbaikan produk serta penganjuran dan penyertaan pameran mahupun pertandingan inovasi.
 - (c) Menyediakan kertas kerja cadangan aktiviti inovasi.
 - (d) Mendapatkan kelulusan pelaksanaan aktiviti daripada pengurusan institusi.
 - (e) Menyediakan pelan penyelarasan dan pemantauan perlaksanaan aktiviti inovasi institusi.
 - (f) Mengenalpasti dan melantik panel penilai untuk menilai inovasi.
 - (g) Mengenalpasti produk inovasi yang disenaraikan pendek untuk dipanjangkan bagi tujuan pemilikan IP.
 - (h) Menilai keberkesanannya pelaksanaan aktiviti.
 - (i) Menyediakan laporan aktiviti inovasi.
 - (j) Menghantar laporan aktiviti inovasi kepada PPI.
- 4.4 Fungsi yang dimainkan oleh UPIK adalah seperti berikut:
- (a) Menggalakkan penjanaan idea dan budaya inovasi dalam kalangan staf dan pelajar.
 - (b) Menggalakkan penyertaan dalam pameran/pertandingan inovasi.
 - (c) Menggalakkan staf memohon dana inovasi dari pelbagai agensi bagi membantu aktiviti penyelidikan.
 - (d) Menjadikan budaya inovasi merupakan satu keperluan dalam perkembangan kerjaya di samping tanggungjawab akademik yang lain.
 - (e) Mencari peluang-peluang kerjasama dalam bidang inovasi untuk manfaat institusi

PENGURUSAN **INOVASI**

5.0 PENGANJURAN PERTANDINGAN DAN PAMERAN INOVASI

5.1 Bagi menggalakkan penjanaan idea dan budaya inovasi dalam kalangan pelajar serta staf, politeknik dan kolej komuniti giat menganjurkan aktiviti pertandingan dan pameran inovasi sepanjang tahun. Pelbagai pertandingan dianjurkan di pelbagai peringkat seperti institusi, zon, kebangsaan dan antarabangsa. Bagi memudahkan kerja-kerja berkaitan penganjuran aktiviti inovasi, perancangan yang strategik hendaklah dilakukan di peringkat institusi lebih awal.

5.2 Sebelum sesuatu aktiviti inovasi dapat dianjurkan, institusi perlu menyediakan kertas kerja cadangan aktiviti berkenaan. Bagi peringkat Zon, kertas kerja hendaklah dibentangkan bagi tujuan kelulusan Pengarah. Bagi pertandingan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, kertas kerja hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Pengarah PPI. Institusi perlu mematuhi syarat-syarat dan peraturan Prosedur Kelulusan Penganjuran Persidangan / Seminar / Kolokium / Konvensyen / Inovasi di peringkat Zon, Kebangsaan dan Antarabangsa yang telah diedarkan oleh PPI.

5.3 Setelah mendapat kelulusan Pengarah, perlantikan jawatankuasa aktiviti boleh dibuat dan seterusnya pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah dipantau bagi memastikan ianya berjalan lancar. Bagi pertandingan peringkat Zon dan Kebangsaan, perlantikan jawatankuasa program hendaklah melibatkan institusi di dalam Zon yang sama / setara.

5.4 Sekiranya pertandingan inovasi yang dianjurkan secara bersama dengan bahagian lain di JPPKK, institusi perlu menghantar kertas kerja untuk kelulusan PPI tetapi peruntukan kewangan adalah dari bahagian yang menganjurkan.

PENGURUSAN **INOVASI**

6.0 PENYERTAAN PERTANDINGAN / PAMERAN INOVASI

- 6.1 Sebagai sebuah institusi pendidikan dalam bidang latihan teknikal dan vokasional, politeknik dan kolej komuniti kerap kali menyertai pelbagai aktiviti pertandingan/pameran berkisarkan inovasi baik di dalam negara mahupun di luar Negara.
- 6.2 Mana-mana rekacipta/projek inovasi yang menyertai pertandingan/pameran inovasi di dalam negara hendaklah dimaklumkan kepada KUPIK untuk tindakan penyelarasan di peringkat institusi (Lampiran A2 - A3).
- 6.3 Kelulusan penyertaan bagi pertandingan/pameran inovasi yang dianjurkan di dalam negara adalah di bawah bidang kuasa Pengarah institusi.
- 6.4 Bagi penyertaan pertandingan/pameran yang dianjurkan di luar Negara hendaklah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian. KUPIK perlu memastikan kertas kerja permohonan penyertaan pertandingan dihantar ke PPI untuk tindakan (Lampiran A4 - A7).
- 6.5 Tindakan pemantauan oleh KUPIK dengan mengikuti perkembangan permohonan dan juga kelulusan sehingga selesai penyertaan pertandingan/pameran institusi di dalam mahupun luar negara adalah amat digalakkan kerana satu pelaporan hendaklah dihantar kepada PPI.

7.0 PELANTIKAN PANEL PENILAI PERTANDINGAN INOVASI

- 7.1 Panel penilai yang dilantik bagi mengadili rekacipta / produk inovasi hendaklah dilantik bersesuaian dengan bidang rekacipta / produk inovasi atau kategori yang dipertandingkan. Panel yang dilantik hendaklah menandatangani NDA sebelum mengadili mana-mana pertandingan (Lampiran A1).
- 7.2 Panel penilai ini boleh dilantik daripada staf politeknik / kolej komuniti yang pakar dalam bidang dan juga pihak luar sama ada dari industri atau mana-mana institusi pendidikan tinggi awam / swasta. Panel penilai juga boleh dilantik dari agensi luar dan industri mengikut kepakaran bidang rekacipta / produk inovasi yang dipertandingkan.

PENGURUSAN **INOVASI**

7.3 Panel penilai boleh diberi saguhati / hadiah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang sedang berkuatkuasa. Hadiah bagi panel penilai boleh diberi dalam bentuk tunai dan / atau hadiah dalam bentuk *plaque*, buku atau kraftangan tempatan sahaja terhad kepada kadar maksimum nilai yang tertakluk dalam pekeliling semasa.

8.0 PELAPORAN AKTIVITI INOVASI

8.1 Institusi selaku pengajur pertandingan inovasi yang telah melaksanakan pertandingan inovasi sama ada di peringkat kebangsaan / antarabangsa dengan jayanya hendaklah mengemukakan satu laporan lengkap pelaksanaan penganjuran pertandingan inovasi kepada PPI. Laporan lengkap pelaksanaan mengikut format yang ditetapkan oleh PPI hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebulan selepas pertandingan inovasi dilaksanakan.


8.2 PPI akan mengeluarkan surat peringatan (*soft reminder*) kepada Institusi pengajur pertandingan inovasi yang gagal mengemukakan laporan pelaksanaan pertandingan inovasi.

8.3 PPI berhak untuk mendapatkan laporan kewangan penganjuran pertandingan inovasi sekiranya perlu.

8.4 Pelaporan aktiviti inovasi yang perlu dikemukakan kepada PPI juga melibatkan mana-mana penyertaan yang menyertai pertandingan atau pameran inovasi di luar Negara terutamanya yang mendapat tajaan di bawah peruntukan Program One-Off Luar Negara JPPKK.


CARTA ALIR 1A

Perancangan Tahunan Aktiviti Inovasi Staf




CARTA ALIR 1B

Perancangan Penganjuran Aktiviti Inovasi Staf




CARTA ALIR 1C

Perancangan Tahunan Aktiviti Inovasi Pelajar




CARTA ALIR 1D

Penganjuran Pertandingan Inovasi Pelajar




CARTA ALIR 1E

Pelantikan Panel Penilai Pertandingan Inovasi




CARTA ALIR 1F
Penyertaan Pertandingan / Pameran Inovasi dalam Negara
(Peringkat Negeri, Zon, Kebangsaan dan Antarabangsa)



CARTA ALIR 1G


Penyertaan Pertandingan / Pameran Inovasi Luar Negara (Peringkat Antarabangsa)





CARTA ALIR 1H

Penilaian dan Pelaporan Aktiviti Inovasi





PENGURUSAN

HARTA INTELEK

PENGURUSAN **HARTA INTELEK**

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan Pengurusan Harta Intelek ini hendaklah diguna pakai kepada semua staf, pelawat dan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Garis panduan ini memaklumkan dan menerangkan mekanisme serta prosedur yang perlu dilaksanakan oleh institusi politeknik dan kolej komuniti bagi menguruskan harta intelek institusi dengan sistematik dan strategik. Ia dilengkapi dengan tatacara permohonan perlindungan, perekodan dan format pelaporan yang perlu digunakan dalam pengurusan harta intelek.

2.0 LATAR BELAKANG

Pengurusan harta intelek politeknik dan kolej komuniti dilaksanakan secara berasingan di institusi masing-masing. Walau bagaimanapun, langkah penyelarasan dan pemudahcaraan dilakukan oleh PPI. KUPIK bertanggungjawab mengemukakan perancangan tahunan aktiviti harta intelek institusi kepada PPI. Laporan pelaksanaan juga perlu dihantar kepada PPI secara berkala setiap tahun bagi melicinkan urusan penyelarasan dan juga menilai pencapaian institusi.

3.0 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

3.1 Harta intelek adalah semua hasil ciptaan berbentuk tak nyata (*intangible*) yang terhasil daripada kreativiti pemikiran manusia yang tidak terhad kepada idea, reka cipta, reka bentuk, lakaran, lukisan, kerja penulisan, dan karya seni. Program komputer, reka bentuk susun atur litar bersepada serta pangkalan data juga merupakan IP.

3.2 Perlindungan harta intelek yang dibuat mengikut peruntukan undang-undang akan membolehkan pemilik harta intelek melaksanakan kawalan eksklusif ke atas sebarang eksloitasi terhadap hak pemilikan tersebut.

3.3 Jenis-jenis harta intelek

Terdapat tujuh (7) jenis hasil kreativiti minda manusia yang dilindungi sebagai harta intelek iaitu paten dan pembaharuan utiliti, hak cipta, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, reka bentuk susun atur litar bersepada, petunjuk geografi dan perlindungan varieti baru tumbuhan.

PENGURUSAN
HARTA INTELEK

3.3.1 Paten dan Pembaharuan Utiliti (*Patent & Utility Innovation*)

Paten dan Pembaharuan Utiliti merujuk kepada hak eksklusif ke atas suatu reka cipta baru sama ada produk atau satu proses untuk melakukan sesuatu yang baru atau penyelesaian teknikal ke atas satu masalah. Perlindungan ini akan diperolehi apabila rekacipta yang dihasilkan itu menepati ciri-ciri berikut:

- (a) Baharu (novelty)
- (b) Melibatkan langkah merekacipta (inventive step)
- (c) Boleh diguna pakai dalam industri

Di bawah Akta Paten 1983, tempoh perlindungan Paten dan Pembaharuan Utiliti adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan.

3.3.2 Hak Cipta (*Copyright*)

Hak cipta merupakan hak eksklusif yang diberi untuk tempoh tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal karya mereka. Perlindungan ini adalah berdasarkan kepada Akta Hak Cipta 1987. Perlindungan hak cipta akan diperolehi bagi karya yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Dihasilkan atau diterbitkan di Malaysia
- (b) Pencipta karya adalah orang yang berkelayakan
- (c) Karya yang dihasilkan direkodkan atau dijadikan dalam bentuk bahan
- (d) Usaha mencukupi telah dibuat untuk menjadikan karya tersebut asli

Bentuk karya yang dilindungi di bawah hak cipta adalah terdiri daripada karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi, siaran dan karya terbitan. Karya hak cipta dilindungi sehingga 50 tahun selepas kematian pencipta karya atau penerbitan karya.

3.3.3 Cap Dagangan (*Trade Mark*)

Cap Dagangan merupakan alat pemasaran yang membolehkan pengguna mengenali dan mengaitkan suatu keluaran dengan peniaga tertentu. Akta Cap Dagangan 1976 mentafsirkan Cap Dagangan sebagai cap yang digunakan bagi menunjukkan hubungan antara barang/perkhidmatan dengan pemiliknya yang berdaftar dalam urusan perniagaan.

PENGURUSAN
HARTA INTELEK

Cap Dagangan boleh terdiri daripada perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut. Cap Dagangan berdaftar diberikan perlindungan selama 10 tahun dan boleh diperbaharui setiap 10 tahun.

3.3.4 Reka Bentuk Perindustrian (*Industrial Design*)

Reka Bentuk Perindustrian merujuk kepada bentuk luaran bagi sesuatu produk atau barang. Menurut Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, ia bermaksud ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian pada barang siap, ciri yang menarik dan dinilaikan dengan pandangan mata.

Bagi mendapatkan perlindungan, ia hendaklah didaftarkan dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Reka bentuk perindustrian yang baharu
- (b) Tidak bercanggah dengan ketenteraman awam atau prinsip moral.

Perlindungan ke atas sesuatu reka bentuk perindustrian yang didaftarkan adalah untuk tempoh 5 tahun dan boleh diperbaharui. Tempoh maksimum perlindungan adalah 25 tahun.

3.3.5 Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu (*Integrated Circuit Layout Design*)

Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu adalah susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu yang mengandungi sebahagian atau semua unsur-unsur hubungan litar bersepadu ataupun keseluruhan susunan tiga dimensi yang disediakan bagi tujuan persediaan proses perkilangan.

Reka bentuk susun atur layak dilindungi secara automatik tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Karya asli
- (b) Telah diekspresi dalam bentuk bahan atau digabungkan dalam suatu litar bersepadu
- (c) Pemegang hak adalah orang yang layak

PENGURUSAN
HARTA INTELEK

3.3.6 Petunjuk Geografi (*Geographical Indications*)

Petunjuk Geografi merujuk kepada tanda yang digunakan bagi mengaitkan tempat asal khusus sesuatu produk/barang. Lokasi asal ini mungkin sebuah negara atau wilayah, atau sesuatu kawasan atau tempat dalam negara atau wilayah) di mana mutu produk/barang ditentukan. Kawasan geografi ini boleh dikaitkan sebagai punca kualiti atau reputasi ciri lain pada sesuatu produk/barang.

Pendaftaran perlindungan bagi Petunjuk Geografi boleh dibuat oleh pengeluar produk/barang yang aktif di dalam kawasan geografi tersebut. Perlindungan yang diberikan adalah untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui.

3.3.7 Perlindungan Varieti Tumbuhan (*Plant Varieties Protection*)

Perlindungan Varieti Tumbuhan merupakan hak ekslusif yang diberikan kepada pembiaak baka bagi membolehkan mereka mengeksplotasi baka tersebut secara komersil. Perlindungan ini turut dikenali sebagai Hak pembiaakbaka Tumbuhan.

Perlindungan ini meliputi bahan pembiaakan, bahan tuaian atau mana-mana bahagian varieti tumbuhan berdaftar tersebut, sama seperti perlindungan paten bagi rekacipta industri. ia mengesahkan ciri-ciri tumbuhan yang membezakan sesuatu varieti tumbuhan dengan varieti yang lain.

Pendaftaran bagi hak perlindungan ini adalah unik dan ia tertakluk di bawah bidang kuasa dan kawalan Jabatan Pertanian Malaysia.

4.0 PEMILIKAN HARTA INTELEK

4.1 Semua harta intelek adalah menjadi hak milik institusi apabila:

- (a) dihasilkan oleh staf semasa dan dalam menjalankan tugas sebagai staf institusi.
- (b) dihasilkan oleh pelajar dalam tempoh pengajian atau menjalankan penyelidikan bersama Institusi.

PENGURUSAN
HARTA INTELEK

4.2 Harta intelek yang terbit dari hasil kerjasama dengan pihak ketiga akan menjadi hak milik bersama institusi dan pihak ketiga, tertakluk kepada terma-terma berkenaan.

4.3 Bagi karya, reka cipta, reka bentuk atau perkara lain yang dihasilkan oleh staf institusi di luar skop tugas / fungsi pekerjaan mereka, atau yang mana telah dicipta, dimajukan, dihasilkan atau diwujudkan tanpa penggunaan sebarang bentuk kemudahan, bahan, peruntukan atau apa-apa sumber dari institusi, pemilikan harta intelek berkenaan tidak akan dituntut oleh institusi.

4.4 Eksplotasi mana-mana harta intelek yang dihasilkan hendaklah dikawal oleh terma-terma perjanjian yang dipersetujui

5.0 PENILAIAN HARTA INTELEK

5.1 Institusi hendaklah membentuk satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penilaian Harta Intelek (JKPHI) untuk menilai dan memberi cadangan berkenaan keperluan mendaftarkan perlindungan harta intelek. JKPHI boleh terdiri daripada:

- (a) Pengarah/ Timbalan Pengarah Akademik/ wakil Ahli Mesyuarat Pengurusan sebagai Pengerusi
- (b) KUPIK sebagai Timbalan Pengerusi
- (c) Pegawai Inovasi
- (d) Pegawai Pengkomersialan
- (e) Penyelaras UPIK jabatan yang terlibat
- (f) Pensyarah berpengalaman / Industri dalam menghasilkan produk inovasi berimpak tinggi (pernah menyertai / menilai pelbagai pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan/ antarabangsa)

HARTA INTELEK

5.2 Skop peranan yang dimainkan oleh JKPHI adalah seperti berikut:

- (a) Melantik mana-mana panel, jika perlu untuk membuat penilaian teknikal, penilaian risiko, kajian pasaran, pelan perniagaan atau eksploitasi harta intelek;
- (b) Memilih produk inovasi untuk perlindungan harta intelek.
- (c) Melaksanakan semua perkara yang berkaitan dengan harta intelek mengikut garis panduan.

5.3 Panel yang dilantik hendaklah menandatangani *Non Disclosure Agreement (NDA)* yang disediakan (Lampiran A1).

5.4 Tanggungjawab KUPIK pula adalah seperti berikut;

- (a) Memastikan kertas kerja perancangan tahunan pemilikan harta intelek disediakan.
- (b) Mengadakan perbincangan dengan perekacipta produk inovasi berkaitan proses perlindungan harta intelek dan melengkapkan Senarai Semak Perlindungan harta intelek (Lampiran B1).
- (c) Mengadakan sesi penilaian bersama panel yang dilantik JKPHI.
- (d) Menguruskan permohonan kewangan untuk pemfailan harta intelek.
- (e) Memastikan permohonan perlindungan harta intelek dilaksanakan mengikut prosedur permohonan yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) (Lampiran B2-B6).
- (f) Mengesahkan penerimaan perlindungan harta intelek.
- (g) Merekod dan melapor data pemfailan harta intelek kepada PPI (Lampiran B7).
- (h) Menguruskan perlantikan ejen untuk melaksanakan kerja-kerja perlindungan harta intelek (jika berkenaan).

5.5 Pegawai Harta Intelek adalah pegawai di institusi yang dilantik bagi membantu KUPIK untuk melaksanakan tugas-tugas berkaitan perlindungan harta intelek di institusi.

5.6 Ejen harta intelek adalah individu atau firma yang berdaftar dengan MyIPO untuk mengedalikan semua perkara yang melibatkan permohonan dan pendaftaran harta intelek. Antara lain, Ejen juga akan memberikan khidmat nasihat seperti isu bantahan terhadap pendaftaran harta intelek.

PENGURUSAN **HARTA INTELEK**

5.7 Institusi boleh melantik Ejen untuk melakukan kerja-kerja permohonan perlindungan harta intelek. Tanggungjawab Ejen adalah seperti berikut;

- (a) Mengadakan perbincangan bersama-sama dengan KUPIK dan perekacipta produk inovasi berkaitan urusan pemfailan harta intelek.
- (b) Melaksanakan proses carian prior art, dan draf dokumen harta intelek dengan merujuk kepada garis panduan yang digunakan oleh MyIPO.
- (c) Menyediakan dokumen pemfailan harta intelek.
- (d) Melaksanakan pemfailan harta intelek dengan pihak MyIPO.
- (e) Melapor status pemfailan harta intelek kepada KUPIK.
- (f) Memberi lain-lain khidmat nasihat khusus berkenaan perlindungan harta intelek seperti bantahan terhadap pendaftaran.

5.8 Urusan perlantikan Ejen harta intelek hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur perolehan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

6.0 PERMOHONAN PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

6.1 Projek inovasi yang telah dikenalpasti berpotensi untuk dikomersialkan dan selesai proses penilaian teknikal akan dipanjangkan untuk permohonan perlindungan harta intelek. Institusi boleh memilih untuk melaksanakan sendiri permohonan perlindungan harta intelek atau menggunakan khidmat ejen.

6.2 Bagi melancarkan proses permohonan perlindungan harta intelek, perekacipta projek inovasi berkenaan akan dilibatkan dalam proses dokumentasi permohonan. Ini termasuklah aktiviti carian *prior art* dan menderaf dokumen rekacipta berkenaan.

6.3 Kos permohonan perlindungan harta intelek adalah berbeza mengikut jenis perlindungan yang dipohon. Bagi tujuan ini, institusi hendaklan menggunakan peruntukan kewangan di bawah objek OS39000.

6.4 Permohonan perlindungan harta intelek akan diproses oleh MyIPO mengikut prosedur perlindungan yang ditetapkan dan tempoh memproses bergantung kepada jenis perlindungan yang dipohon. Permohonan yang diluluskan akan dimaklumkan oleh MyIPO kepada institusi menerusi surat rasmi.

HARTA INTELEK

6.5 KUPIK hendaklah memastikan perlindungan harta intelek yang telah diluluskan ini direkodkan dan seterusnya membuat pelaporan kepada PPI.

7.0 PEREKODAN HARTA INTELEK

7.1 Harta intelek adalah aset kepada kerajaan, justeru ia hendaklah direkodkan sebagai Aset Tak Ketara institusi mengikut prosedur pendaftaran aset alih kerajaan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

7.2 Aset Tak Ketara adalah aset kewangan yang boleh dikenalpasti tetapi tidak mempunyai kewujudan fizikal, tidak dapat dilihat atau disentuh.

Terdapat dua kategori Aset Tak Ketara iaitu:

- (a) Harta intelek
- (b) Bukan harta intelek

7.3 ATK yang dikategorikan dalam bentuk harta intelek adalah seperti berikut:

- (a) Cap Dagangan
- (b) Paten/ Pembaharuan Utiliti
- (c) Hak Cipta
- (d) Petunjuk Geografi
- (e) Rekabentuk Perindustrian
- (f) Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu
- (g) Perlindungan Varieti Tumbuhan
- (h) Pengetahuan Tradisional dan Penzahiran Kebudayaan (contohnya peribahasa, Kain Tenun, Baju Kurung Cekak Musang, Ukiran Kayu Melayu, motif-motif tekstil Melayu dan Baju Riau Pahang).

7.4 Manakala Aset Tak Ketara yang dikelompokkan sebagai Harta Bukan Intelek pula termasuklah nama domain internet, perjanjian/ hak eksklusif/lokasi, varieti tumbuhan yang dihasilkan agensi kerajaan tetapi tidak dilindungi Akta Perlindungan Variet Tumbuhan 2004, perjanjian perlesenan, royalti dan permit, juga pangkalan data.

PENGURUSAN
HARTA INTELEK

8.0 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN HARTA INTELEK

- 8.1 Setiap perlindungan harta intelek hendaklah direkodkan oleh institusi dengan sistematis.
